

# UTHM beri sumbangan kepada **Tabung Gaza**

FAKULTI Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyerahkan kutipan sumbangan Tabung Gaza, We Care! berjumlah RM3,786 Kepada wakil Aqsa Sharif UTHM, Prof. Madya Dr. Jiwa Abdullah sempena majlis penutup Program Bicara Ilmu Kajian Tindakan di universiti itu baru-baru ini.

Dekan FPTV, Dr. Razali Hasan telah menyerahkan sumbangan tersebut.

Yang turut hadir menyaksikan upacara penyerahan tersebut Penolong Pengarah, Unit Penyelidikan Makro, Bahagian Pembangunan dan Pendidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran, Dr. Roslee Ibrahim.

Pengerusi Kutipan Tabung Gaza, We Care! peringkat FPTV, Nornizam Jamal berkata, warga fakulti menyambut baik segala usaha yang dilakukan oleh tenaga kerjanya.

“Wang sumbangan tersebut berjaya dikumpul dalam masa dua minggu



**RAZALI Hasan (tengah) menyerahkan sumbangan kepada Jiwa Abdullah (dua dari kiri) untuk Tabung Gaza, Palestin di UTHM baru-baru ini.**

selepas pelancaran tabung dibuat. Justeru, saya mewakili pihak fakulti ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan oleh para

pensyarah dan pelajar-pelajar.

“Semoga program ini dapat membantu saudara-saudara kita yang sangat memerlukan,” katanya.

Turut diadakan sebelum upacara tersebut ialah satu program Bicara Ilmu Kajian Tindakan suatu sesi pendedahan kajian tindakan yang sebenar di Malaysia dan peluang-peluang yang boleh diperolehi oleh guru-guru di Malaysia ini.

Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Roslee Ibrahim dan disertai oleh kira-kira 70 orang pelajar.

Program anjuran bersama dengan Aqsa Sharif yang merupakan organisasi sukarelawan yang bernaung di bawah Pertubuhan IKRAM Malaysia itu bertujuan untuk menyebarkan maklumat, menyalurkan bantuan kewangan dan kemanusiaan serta menyumbang tenaga dan fikiran untuk kebaikan Palestin dan dunia secara amnya.

Pelbagai program dan projek telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Aqsa Syarif antaranya termasuklah memberi bantuan kemanusiaan melalui penghantaran bekalan makanan, perubatan dan keperluan pendidikan.